

Majlis Graduasi PRAUNIVERSITI & PELANCARAN 100 HARI MENJELANG 100 TAHUN EC

Majlis Graduasi Prauniversiti dirasmikan oleh:
YH. PROFESOR DATO' DR. DAING MOHD NASIR BIN DAING IBRAHIM
Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (Bekas Pelajar EC)

11 DISEMBER 2013 (RABU) | 1.30 PETANG | DEWAN BANGSARU MSAB

NC lancar Majlis Graduasi Prauniversiti MSAB



Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato Dr Daing Nasir Ibrahim diberi penghormatan menyampaikan anugerah Kecemerlangan Pelajar Maktab Sultan Abu Bakar (MSAB) atau yang dikenali sebagai English College dalam Majlis Graduasi Prauniversiti dan Pelancaran Menjelang 100 Tahun EC pada 11 Disember 2013 yang lalu di Johor Bahru.

Profesor Dato Dr Daing Nasir yang juga Presiden Bekas Pelajar EC (ECESA) berkata, penganjuran program ini dapat meningkatkan motivasi, perangsang dan ingatan bagi persiapan pelajar lulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) ini meneruskan hasrat menuntut ilmu ke peringkat yang lebih tinggi di universiti.

"Penguasaan ilmu-ilmu moden seperti Sains dan Teknologi mampu meningkatkan daya saing negara ke peringkat global," katanya yang menyampaikan anugerah dalam majlis graduasi yang kali pertama dianjurkan untuk pelajar tingkatan 6 di Sekolah Kluster Kecemerlangan ini.

Dalam majlis ini, beliau menyampaikan

anugerah kecemerlangan kepada seramai 16 pelajar dan dua daripadanya dinobatkan pelajar terbaik iaitu Pelajar Gemilang Aliran Sains iaitu Justin Seow Zhu Yeow dan Pelajar Cemerlang Aliran Kemanusiaan, Nurul Amirah Hamzah.

Pengetua MSAB, Samsudin Md. Arif berkata, menjelang 2014 ini MSAB meletakkan harapan untuk muncul sebagai sekolah berprestasi tinggi apatah lagi sokongan padu Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) dan ECESA mampu memberi ruang MSAB melakar kecemerlangan sempena 100 tahun penubuhannya.

Pada majlis yang sama turut diadakan pelancaran 100 hari menjelang 100 tahun penubuhan EC yang cemerlang pada 21 Mac 2014 yang menyaksikan gimik dengan melepaskan belon ke udara.

Pengerusi Sambutan 100 tahun EC, Zais Mohd Akil mengharapkan orang ramai terutamanya bekas-bekas pelajar, ibu bapa dan pihak sekolah untuk sama-sama berganding bahu menjayakan sambutan yang gilang-gemilang ini.

Bersempena sambutan ini, terdapat beberapa program diadakan termasuk program berbasikal meronda Johor Bahru, *Treasure Hunt*, pelancaran setem 100 tahun EC, forum perdana, *Countdown 100 hours* serta persembahan kebudayaan.

Hadir sama dalam majlis Pengerusi Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Majlis Pelancaran 100 tahun EC, YM Tengku Rahman Ungku Ibrahim, alumni EC, Dato' Seri Paduka Haji Hassan Dato' Haji Omar dan Freddie Long.

Penganjuran program ini dapat meningkatkan motivasi, perangsang dan ingatan bagi persiapan pelajar lulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) ini meneruskan hasrat menuntut ilmu ke peringkat yang lebih tinggi di universiti.